

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



Komunikasi Korporat Kumpulan  
Tingkat 31, Menara Bank Islam  
No. 22 Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Telefon 03 2088 8000  
Faks 03 2781 2998  
[www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

## PEMENANG BANK ISLAM AL-AWFAR BAWA PULANG KERETA AUDI A4 SEDAN 2.0 TFSI

**KUALA LUMPUR, Khamis, [14 Mac 2019]:** Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) hari ini meraikan dua pemenang bertuah untuk kempen terakhir “**Al-Awfar Extr4 Drive 2018**” di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur. Pemenang tersebut ialah Encik Borhan Nordin bin Haji Dimiyati dari Sabak Bernam, Selangor, merupakan pemenang cabutan khas; dan Datin Salamah binti Sabtu dari Muar, Johor, ialah pemenang bagi suku keempat. Kedua-dua mereka menerima hadiah utama berupa sebuah kereta AUDI A4 Sedan 2.0 TFSI. Hadiah-hadiah tersebut telah disampaikan oleh Encik Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam dan Encik Zury Rahimee Zainal Abiden, Ketua, Deposit dan Pengurusan Tunai, Bank Islam.

Encik Borhan Nordin, 58 tahun, seorang pesara guru dan bapa kepada empat orang anak ini mula menyimpan dalam akaun Al-Awfar sejak 2010 yang lalu dan tidak pernah menyangka akan menjadi salah seorang pemenang cabutan khas bagi kempen ini.

Manakala, Datin Salamah, 57 tahun, seorang usahawan dan juga ibu kepada 6 orang anak ini menjelaskan: “Semasa saya membuat keputusan untuk membuka akaun Al-Awfar pada tahun yang lalu, saya memang tidak pernah menyangka dapat memenangi hadiah utama, Alhamdulillah keputusan itu tepat kerana hari ini, saya telah pun memenangi sebuah kereta baharu.”

Encik Mohd Muazzam Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Islam berkata “Sejak kempen Al-Awfar Extr4 Drive 2018 ini berlangsung, Bank Islam telah menerima sambutan yang amat memberangsangkan. Hasil daripada kempen ini, Bank Islam mencatat jumlah deposit sebanyak **RM255 juta** dan berjaya menarik kira-kira **75,000** pelanggan baharu bagi akaun Al-Awfar.

Akaun Pelaburan yang berisiko rendah ini juga menggalakkan simpanan di samping peroleh peluang memenangi hadiah cabutan bulanan, suku tahunan dan peringkat wilayah. Al-Awfar bukan sahaja terbuka untuk individu, malah bukan individu – persatuan, badan agama, sekolah, universiti, kelab dan pertubuhan juga layak membuka akaun tersebut.”

“Menjelang April ini juga, Bank Islam akan meraikan ulang tahun ke-10 Al-Awfar sejak pelancarannya pada tahun 2009. Oleh itu, kami akan mengumumkan sesuatu yang baharu dan menarik untuk produk Al-Awfar ini.” tambah Encik Muazzam.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

---

#### **Mengenai Bank Islam**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 148 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

#### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2782 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com.my">www.bankislam.com.my</a>	<b>Omar Atin</b> Hubungan Media & Editorial, Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2782 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------